

Headline	34 bakal jemaah haji dirai dalam majlis ringkas		
MediaTitle	New Sabah Times Bahasa (KK)		
Date	01 Oct 2011	Color	Black/white
Section	Semasa	Circulation	23,655
Page No	4	Readership	
Language	Malay	ArticleSize	126 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 244
Frequency	Daily	PR Value	RM 732



34 bakal jemaah haji dirai dalam majlis ringkas

BEAUFORT: Seramai 34 bakal jemaah haji dari kawasan Parlimen Beaufort yang akan mengerjakan fardhu haji ke Mekah tahun ini telah diraikan oleh Ahli Parlimen Beaufort, Datuk Seri Lajim Haji Ukin, dalam satu majlis ringkas namun penuh bermakna di Rumah Rehat Beaufort dekat sini, petang Khamis.

Bakal-bakal jemaah haji ini dari dua kawasan Dewan Undangan Negeri iaitu Klias dan Kuala Penyu di mana difahamkan terdapat beberapa jemaah haji dari kawasan ini akan menyertai penerbangan pertama pada 03 Oktober ini.

Berucap meraikan bakal jemaah haji pada majlis tersebut Lajim yang juga Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengingatkan bakal jemaah haji khususnya dari kawasan ini supaya sentiasa memberikan perhatian terhadap aspek kesihatan mereka bagi memastikan mereka mampu mengerjakan haji dalam keadaan yang sempurna dan teratur.

Menurut Lajim, bakal jemaah haji juga perlu sentiasa mematuhi peraturan yang telah ditetapkan oleh Lembaga Urusan Tabung Haji Malaysia yang sentiasa memberikan bantuan kepada jemaah haji dari Malaysia.

“Tidak timbul masalah jika kita (jemaah haji) sentiasa mengikuti peraturan yang ditetapkan dan sentiasa merujuk kepada LUTH semasa berada di sana,” jelas Lajim.

Tambah Lajim kemudahan yang disediakan oleh LUTH kepada jemaah haji dari Malaysia merupakan antara yang terbaik, justeru bakal jemaah haji tidak perlu risau semasa mereka mengerjakan fardhu haji.

Dalam pada itu beliau juga turut menasihati supaya bakal jemaah haji sentiasa menjaga aspek keselamatan mereka dan tidak terpengaruh dengan elemen-elemen yang boleh melalaikan ibadah haji mereka ini, termasuk menghampiri kawasan-kawasan yang sesak dengan jemaah haji bagi mengelakkan sebarang kejadian yang tidak diingini berlaku.

Di majlis itu, Lajim bersama isteri, Datin Seri Normilah Siong, turut menyampaikan sumbangan peribadi beliau berupa kewangan pada bakal jemaah haji dari kawasan itu yang turut dihadiri oleh Setiausaha Umno Bahagian, Haji Jusih Haji Sarin dan Ketua Pergerakan Puteri Umno Bahagian, Saridah Datuk Seri Mohd. Dun.



SEDEKAH ... Kelihatan Lajim ketika menyampaikan sumbangan kepada salah seorang bakal jemaah haji di majlis itu.